



TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

merangkap

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH KOLABORASI AKPK 2018/2019

SASANA KIJANG

KUALA LUMPUR

14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, dapat kita semua hadir pada petang ini ke **Majlis Anugerah Kolaborasi AKPK** atau **AKPK Collaborators Awards 2018/2019**.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada AKPK, atau Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, kerana menjemput saya melancarkan majlis ini.

3. Saya difahamkan ini adalah kali kedua majlis anugerah ini diadakan dengan tema **#ForABetterTomorrow**.
4. Syabas AKPK di atas kesungguhan mewujudkan rangkaian kolaborasi yang kukuh dengan badan-badan kerajaan, organisasi-organisasi swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak-pihak yang berkepentingan demi meningkatkan literasi kewangan dalam negara.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

5. Esok, genap tiga tahun pengumuman Bank Negara Malaysia akan penubuhan Jaringan Pendidikan Kewangan atau Financial Education Network (FE Network) untuk menyelaras dan memacu strategi

pendidikan kewangan di peringkat kebangsaan.

Ia berfungsi sebagai platform antara agensi untuk meningkatkan impak inisiatif pendidikan kewangan dan mengenal pasti peluang baharu agar rakyat lebih celik di dalam bidang pengurusan kewangan.

Saya difahamkan Bank Negara Malaysia, AKPK, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah di antara ahli-ahli FE Network di peringkat awal.

6. Saya percaya rujukan terbaik bagi definisi literasi kewangan ialah daripada Organization for Economic Cooperation and Development (OECD), iaitu:

“...knowledge and understanding of financial concepts and risks, and the skills, motivation and confidence to apply such knowledge and understanding in order to make effective decisions across a range of financial contexts, to improve the financial well-being of individuals and society, and to enable participation in economic life.”

Atau secara ringkasnya, pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan dalam membuat keputusan dalam kehidupan seharian bagi menangani cabaran kewangan.

7. Saya difahamkan, rata-rata rakyat Malaysia mempunyai tahap celik kewangan yang terhad, sedangkan ia sangat diperlukan bagi mengurus kewangan seseorang, sama ada untuk jangka pendek, sederhana atau panjang.

8. Sebagai contoh, berapa ramai agaknya yang mempunyai tabiat menyimpan supaya simpanan tersebut boleh digunakan pada masa akan datang – untuk kecemasan, untuk belian aset seperti bayaran pendahuluan bagi pembelian rumah, dan untuk persaraan?

9. Saya agak terkilan dengan dapatan kajian Bank Negara pada tahun 2015 bahawa tiga daripada empat rakyat Malaysia tidak mempunyai walaupun **RM1,000** sekiranya diperlukan bagi tujuan kecemasan.

Ia juga mendapati **32 peratus** rakyat Malaysia hanya mampu berbelanja selama seminggu sahaja seandainya hilang sumber pendapatan.

10. Ini bermakna rata-rata rakyat Malaysia masih jauh daripada mencapai simpanan untuk kecemasan yang dicadangkan oleh pakar-pakar kewangan peribadi, iaitu di antara **3 dan 6 bulan** perbelanjaan bulanan.

11. Dalam masa yang sama, bagi yang bukan di dalam skim pekerjaan dengan berpencen, adalah disyorkan supaya mereka mempunyai simpanan tambahan untuk persaraan mereka selain daripada caruman mandatori di KWSP.

Apa lagi bagi mereka yang bekerja sendiri dan tidak tertakluk kepada keperluan mencarum di KWSP – saya nasihatkan mereka untuk memilih opsyen caruman sukarela i-Saraan KWSP.

12. Saya juga terganggu dengan dapatan **Asian Institute of Finance** pada tahun 2015 bahawa **38 peratus** golongan belia bergantung kepada pinjaman peribadi dan **47 peratus** terlibat dalam hutang kad kredit yang tinggi.

13. Sedangkan pakar-pakar kewangan sentiasa menasihati supaya kita tidak sekali-kali berhutang bagi perbelanjaan-perbelanjaan penggunaan (“*consumption spending*”) seperti sewa, bayaran ansuran, makan dan minum.
14. Dalam masa yang sama, saya juga khawatir bagi mereka yang bijak menyimpan tetapi tidak tahu ke mana untuk dilabur simpanan tersebut.

Ada yang tidak mengenali toleransi risiko mereka sendiri dan melabur dalam pelaburan yang tidak sesuai.

Ada pula yang tidak cukup faham mengenai pelaburan dan tertipu pula dengan penipuan pelaburan ("*investment scam*").

15. Bagi yang baru dan sudah bersara, mereka juga perlu berhati-hati.

Maklumlah, mereka baru sahaja keluarkan simpanan KWSP, atau mendapat bayaran gratuiti, atau kedua-duanya sekali.

Maka ramailah, termasuk melalui media sosial dan panggilan telefon entah dari mana, yang mahu menjadikan mereka mangsa, terutama mereka yang mudah tertipu – melalui "*love scam*", "*investment scam*" dan macam-macam lagi.

Ingatlah, simpanan KWSP dan gratuity itu merupakan modal persaraan (“*retirement capital*”) yang perlu diurus dengan bijak supaya pesara dapat menikmati kehidupan yang baik sehingga akhir hayat masing-masing.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

16. Saya berbesar hati akan peranan AKPK dalam mendidik orang ramai mengenai kesedaran kewangan, pendidikan kewangan serta kaunseling kewangan, termasuk mencadangkan penstrukturan semula hutang melalui program pengurusan kreditnya.

17. Saya amat berharap kolaborasi AKPK dengan badan-badan kerajaan, NGO dan organisasi-organisasi swasta ini dapat membantu menangani isu-isu yang saya bangkitkan tadi dan juga isu-isu lain yang terbit daripada kekurangan atau ketiadaan literasi kewangan.

18. Saya percaya semua badan yang terlibat mampu mengukuhkan asas masyarakat dalam kefahaman kewangan dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan kewangan lebih ramai rakyat.

19. Saya juga berharap usaha ini bukan hanya disasarkan kepada mereka yang sudah bekerja, tetapi juga kepada mereka yang masih di universiti dan sekolah menengah.

Bak kata bidalan, “melentur buluh biarlah dari rebungunya”.

20. Saya percaya ada ibu bapa yang memberi anak-anak mereka wang saku sekolah, katakan RM2 sehari.

Dan anak-anak ini akan diberi ganjaran seandainya mereka menyimpan, tetapi tidak lebih 50 sen sehari.

21. Sebenarnya ada tiga pengajaran penting daripada amalan ini:-

Pertama: Anak-anak mereka tahu ada sahabat mereka yang dapat RM1 sehari dan ada yang dapat RM3 atau malah RM5 sehari.

Maka mereka berbelanja mengikut kemampuan mereka.

Kedua: Walaupun boleh berbelanja kesemuanya, anak-anak ini diajar untuk menyimpan daripada elaun harian ini.

Menerima elaun yang lebih rendah daripada sebahagian rakan-rakan mereka bukanlah satu alasan untuk mereka tidak menyimpan.

Ketiga: Anak-anak ini juga dilarang untuk tidak berbelanja langsung kerana mereka memerlukan tenaga untuk belajar, itu sebabnya ada had 50 sen ke atas ganjaran yang diberikan.

22. “Alah bisa tegal biasa”. Alangkah bagus seandainya pendekatan sebegini dapat dilaksanakan dalam semua keluarga.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

23. Menyedari juga bahawa banyak masalah pasangan berkahwin adalah berkaitan dengan masalah kewangan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah bekerjasama dengan AKPK dalam membangunkan modul pra-perkahwinan dalam talian bernama “**I Do, You Do, Duit Together**” mulai bulan September tahun ini.

Modul ini bertujuan untuk membantu pasangan yang akan berkahwin dalam pengurusan kewangan berdasarkan pendapatan selepas berkahwin kelak.

Ini juga adalah langkah penambahbaikan ke atas kursus pra-perkahwinan yang dilaksanakan oleh LPPKN.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

24. Dalam pengurusan kewangan peribadi ini, orang ramai sepatutnya selalu ingat akan pepatah Melayu, “Sudah terhantuk baru tengadah.”

Apa maksudnya?

Kita sepatutnya merancang kewangan bukan selepas kita berhadapan dengan masalah tetapi sebelumnya lagi.

25. Oleh itu, saya menyeru semua yang hendak memulakan satu tanggungan hutang jangka panjang, seperti hutang kenderaan atau hutang kediaman, supaya membuat analisa kewangan dengan selengkap-lengkapnya, terutama analisa aliran tunai, sebelum membuat apa-apa keputusan.

26. Dalam pada itu, bagi yang hendak membayar perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit, sebelum dileret kad tersebut, tanyalah diri kita sendiri, sama ada kita mampu membayar

keseluruhan bil bulanan kad kredit tersebut sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan.

27. Hutang merupakan satu perjanjian dengan yang berhutang berjanji untuk melangsaikan hutangnya kepada pemiutang dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Ini bermakna, apabila seseorang itu berhutang, ia mestilah yakin akan kemampuannya untuk melaksanakannya.

28. Saya juga teringat sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (Hadith 1886) yang bermaksud:

“Diampunkan semua dosa bagi orang yang terkorban mati syahid kecuali jika ia mempunyai hutang (kepada manusia).”

Itulah sebabnya, apabila seseorang meninggal dunia, selepas menguruskan jenazah, waris seharusnya melangsaikan hutang si mati itu dengan harta si mati sebelum menguruskan harta pusaka.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

29. Saya difahamkan AKPK juga telah menjalankan kolaborasi dengan enam buah universiti bagi merancang dan menjalankan kajian dan penyelidikan AKPK sendiri.

Hasil kajian dan penyelidikan ini dapat membantu pihak-pihak berkepentingan merangka program atau polisi pendidikan kewangan dengan lebih berkesan.

30. Saya juga difahamkan 31 Memorandum Persefahaman telah ditandatangani dengan pelbagai pihak dan ianya banyak menyokong pencapaian AKPK hingga ke hari ini.

Sehingga Oktober tahun ini, jumlah pelanggan yang menerima khidmat kaunseling AKPK hampir mencecah sejuta orang.

Daripada jumlah ini, hampir 300,000 orang telah menyertai Program Pengurusan

Kredit untuk mengawal semula pinjaman mereka.

Saya juga dimaklumkan bahawa AKPK telah berjaya melangsaikan **24,000 kes hutang** yang bernilai lebih **RM1 bilion**.

Tahniah AKPK!

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

31. Adalah menjadi harapan saya bahawa kolaborasi AKPK dengan badan-badan kerajaan, NGO dan organisasi-organisasi swasta ini akan mencapai objektif untuk meningkatkan bukan hanya tahap literasi malah amalan baik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

32. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin berkongsi doa yang diajar oleh Rasulullah SAW supaya kita dapat beramal dengannya untuk menjauhi daripada bebanan hutang, yang penghujungnya adalah:

وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلْبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Yang bermaksud: “Dan aku berlindung kepada Engkau daripada bebanan hutang dan penindasan manusia.”

33. Dengan lafaz  dengan ini saya merasmikan **Majlis Anugerah Kolaborasi AKPK 2018/2019**, dan tahniah kepada semua penerima anugerah.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدَايَةِ

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.